



**KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN**
Unit Komunikasi Korporat
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4, 62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 03 8891 5564
Faks : 03 8891 5557
Laman Web : www.kpkt.gov.my
Email : media.ukk@kpkt.gov.my
Twitter : @kpkt_gov
Facebook/ : KPKT Malaysia

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.46 (3)
Tarikh : 30 Januari 2021

SIARAN MEDIA

LAWATAN KERJA YB MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN KE INSTITUT LATIHAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN (I-KPKT)

Bentong, 30 Januari 2021 – YB Puan Hajah Zuraida Kamarudin, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan hari ini mengadakan sesi lawatan ke Home Surveillance Center (HSC) dan lokasi cadangan Pusat Kuarantin Dan Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah (PKRC) I-KPKT. Lawatan YB Menteri bertujuan bagi melihat fasiliti latihan yang ada di Institut Latihan Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (I-KPKT) serta menyantuni petugas barisan hadapan yang berkhidmat di samping memberi sokongan moral kepada mereka.

Sejak Mac 2020, agensi ini telah diwartakan sebagai Pusat Kuarantin COVID-19 dan telah menampung lebih 1000 *Person Under Investigation* (PUI). I-KPKT merupakan salah sebuah agensi di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Institusi ini berperanan sebagai Pusat Latihan, penyelidikan dan rujukan dalam bidang pengurusan bandar terutamanya berkaitan kerajaan tempatan.

YB Menteri diberikan taklimat mengenai latar belakang dan kemudahan yang ada di I-KPKT di samping mengadakan lawatan tapak di sekitar kampus. Selain itu, beliau juga diberikan penerangan mengenai pengurusan HSC, sumbangan dan cabaran selama HSC beroperasi serta cadangan dijadikan sebagai PKRC. Pada masa hadapan, YB Menteri memberikan cadangan agar I-KPKT dengan kerjasama JBPM boleh membangunkan fasiliti di I-KPKT bagi aktiviti sukan lasak.

Lawatan ini turut disertai oleh YAS Dato' Sri Mohammad Hamdan bin Hj. Wahid, Ketua Pengarah Bomba dan Penyelamat Malaysia, Lt.M (PA) Kamarul Haqim bin Abu Kassim, Pegawai Angkatan Pertahanan Awam Malaysia serta Dr. Liew Kai Hsiang, Pegawai Perubatan.

Program ini dilaksanakan dengan penglibatan individu dalam skala kecil mengambil kira situasi pandemik yang sedang berlaku dan diharapkan dapat menyuntik semangat kepada semua petugas yang ada di sini.

Melalui lawatan ini juga diharap akan memantapkan lagi peranan I-KPKT sebagai sebuah institusi yang menyediakan kemudahan dan memainkan peranan serta sumbangan kepada Kerajaan dalam menangani pandemik COVID-19 di negara ini.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang diterajui oleh YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin selaku Menteri terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PRIMA Malaysia.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my